



KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA
DAN TRANSFORMASI AIR

KENYATAAN MEDIA

Bil. 07/2024

HAMPIR 85% PENGGUNA DOMESTIK DI SEMENANJUNG TIDAK TERJEJAS DENGAN REFORMASI PERCUAIAN YANG AKAN BERKUATKUASA MULAI 1 MAC 2024

PUTRAJAYA, 29 FEBRUARI 2024 – Kerajaan pada 28 Februari 2024 telah mengumumkan reformasi percukaian yang melibatkan kenaikan kadar Cukai Perkhidmatan daripada 6% ke 8% berkuat kuasa mulai 1 Mac 2024.

Bagi perkhidmatan elektrik, Cukai Perkhidmatan hanya dikenakan ke atas kadar penggunaan lebih daripada 600kWj.

Berdasarkan pengumuman ini, **sejumlah 84.3% atau 6.96 juta pengguna kategori perumahan (residential) di Semenanjung tidak terjejas dan masih tidak dikenakan SST.**

Namun, lebih kurang **15.7% atau 1.29 juta pengguna kategori perumahan (residential) yang menggunakan elektrik melebihi 600kWj akan mengalami kenaikan bil bulanan di antara RM0.01 hingga RM45.48 sebulan atau 0% hingga 1.66% sebulan dengan kenaikan kadar Cukai Perkhidmatan daripada 6% ke 8% mulai 1 Mac 2024 ini.**

Subsidi yang dilaksanakan secara bersasar ini merupakan antara pendekatan Kerajaan dalam memastikan subsidi diberikan kepada rakyat yang memerlukan.

Pengguna disaran untuk merujuk kepada bil elektrik bulanan masing-masing bagi memantau penggunaan elektrik dan subsidi yang diberikan. Selain itu, pengguna juga boleh menganggarkan kos bil elektrik bulanan pada masa akan datang dengan menggunakan kalkulator tarif elektrik yang dapat dicapai melalui laman sesawang myelectricitybill.my.

Semua pengguna adalah digalakkan untuk mengamalkan penggunaan elektrik secara berhemah melalui penggunaan peralatan elektrik cekap tenaga. Terdapat pelbagai cara mudah yang boleh dilakukan untuk menjimatkan penggunaan tenaga elektrik, antaranya:

- (a) melaksanakan audit penggunaan tenaga dengan cara memantau dan menganalisa penggunaan tenaga elektrik serta mengenal pasti peralatan, proses dan sistem yang boleh ditambah baik;
- (b) membeli atau menggantikan peralatan elektrik di rumah dengan menggunakan peralatan elektrik yang mempunyai penarafan 5 atau 4 bintang supaya ia dapat memberi lebih banyak penjimatan tenaga elektrik, serta melaksanakan penyelenggaraan secara berkala mengikut spesifikasi yang ditetapkan;

- (c) memastikan suis ditutup apabila tidak digunakan bagi mengelakkan pembaziran tenaga elektrik;
- (d) menggunakan peralatan elektrik dengan lebih efisien, sebagai contoh menetapkan suhu penyamanan udara pada suhu antara 24°C hingga 26°C;
- (e) memanfaatkan pemberian e-rebat sehingga RM400 yang diberikan oleh Kerajaan melalui program SAVE 4.0 bagi pembelian penyamanan udara dan peti sejuk cekap tenaga yang mempunyai penarafan 5 atau 4 bintang serta diiktiraf oleh Suruhanjaya Tenaga; dan
- (f) memanfaatkan program Net Energy Metering (NEM) GoMEN dan NEM NOVA sebagai langkah untuk meminimumkan kos bil elektrik pengguna. Kuota tambahan sebanyak 100MW untuk NEM Rakyat dan 300MW untuk NEM NOVA telah diumumkan oleh Kementerian ini baru-baru ini.

**KEMENTERIAN PERALIHAN TENAGA DAN TRANSFORMASI AIR
(PETRA)**
29 FEBRUARI 2024

Unit Komunikasi Korporat | Kementerian Peralihan Tenaga dan Transformasi Air (PETRA)
Tel. : 03-8000 8000 | Faks : 03-8889 4763

PETRAMALAYSIA

